


Kebajikan Rakyat Penakatan Ekonomi

Oleh RAYYAN L.Z.



KEREBAKAN virus korona, COVID-19, yang kini dianggap sebagai pandemik, setakat ini belum dapat dibendung. Kecuali China tempat virus bermula dan Korea Selatan dikatakan berjaya mendatarkan keluk, kebanyakan negara lain, termasuk Malaysia terpaksa bertarung dengan virus yang boleh membawa kematian ini. Hari demi hari, jumlah kes dan kematian meningkat, di samping bilangan negara yang dilanda virus turut bertambah.

Bagi menghadapi ancaman ini banyak negara menguatkuasakan perintah larangan keluar masuk bermula dengan China, manakala Malaysia menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu. Kerebakan virus bukan sahaja menyebabkan warga dunia hidup dalam ketakutan, tetapi juga melumpuhkan pasaran saham dan melemahkan ekonomi dunia. Sebagai langkah segera, beberapa buah negara memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi, antaranya Amerika Syarikat dengan AS\$2.2 trilion, Singapura

dengan S\$48 bilion (AS\$33.17 bilion), India dengan 1.7 trilion Rupee.

Malaysia pada 27 Februari lalu, Perdana Menteri sementara, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 bernilai RM20 bilion. Seterusnya, sebulan kemudian, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) bernilai RM250 bilion. Daripada jumlah itu, hampir RM128 bilion disalurkan untuk melindungi kebajikan rakyat, RM100 bilion untuk menyokong perniagaan, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), RM2 bilion untuk memperkukuh ekonomi negara, dan RM20 bilion telah diumumkan dalam pakej rangsangan sebelum ini.

Tan Sri Muhyiddin dalam penghujung pengumuman Prihatin menyebut: "Kita sedang menghadapi peperangan dengan kuasa yang tidak nampak. Situasi yang kita hadapi kini tidak pernah berlaku dalam sejarah." Untuk

Untuk meringankan beban rakyat, kerajaan menyediakan Bantuan Prihatin Nasional, iaitu pemberian tunai secara sekala atau *one-off* dengan peruntukan hampir RM10 bilion.

menghadapi peperangan seperti ini, seseorang tidak perlu menelaah kitab klasik Sun Tzu atau merujuk nasihat Niccolò Machiavelli atau Carl von Clausewitz. Memadai dengan menggunakan akal budi: memperkuh barisan hadapan, iaitu hospital dengan menyediakan pelbagai kelengkapan yang sangat penting. Tanpa kelengkapan yang canggih, mustahil negara akan memenangi peperangan yang bukan konvensional ini. Selain itu, doktor, pegawai dan staf perubatan, serta pasukan sokongan yang terdiri daripada anggota polis, anggota tentera, dan anggota RELA mesti sentiasa siap siaga, bermotivasi tinggi, dan daya tahan mereka sentiasa utuh.

Sehubungan dengan itu, sebagai tambahan kepada RM500 juta yang diumumkan sebelum ini, kerajaan menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion bagi pembelian peralatan dan perkhidmatan untuk memerangi COVID-19, termasuk mendapatkan khidmat kepakaran perubatan daripada perkhidmatan kesihatan swasta. Sebagai menghargai pengorbanan doktor, jururawat dan kakitangan perubatan yang lain, kerajaan akan meningkatkan elaun khas yang diterima daripada RM400 kepada RM600 sebulan mulai 1 April 2020 hingga wabak ini berakhir.

Pada masa yang sama, kerajaan juga bersetuju untuk memanjangkan elaun khas sebanyak RM200 sebulan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung bagi melaksanakan PKP. Elaun ini juga akan dibayar mulai 1 April 2020 hingga wabak COVID-19 berakhir. Dianggarkan sebanyak 169 ribu orang kakitangan tambahan akan mendapat manfaat ini.

Rakyat di mana-mana sahaja negara yang dilanda kerebakan virus korona ini, berasa keselamatan diri mereka terancam dan mata pencarian mereka terjejas. Demikian juga

rakyat Malaysia yang menyaksikan jumlah kes dan kematian meningkat dari sehari ke sehari. Sebaik-baik sahaja pandemik ini melanda, industri pelancongan dan penerbangan mula menerima kesan negatifnya. Apabila kerajaan menguatkuasakan PKP, mata pencarian sebilangan besar rakyat mula terjejas. Mereka mula merasakan kesempitan hidup.

Sehubungan dengan itu, untuk meringankan beban rakyat, kerajaan menyediakan Bantuan Prihatin Nasional, iaitu pemberian tunai secara sekala atau *one-off* dengan peruntukan hampir RM10 bilion, dan buat pertama kalinya akan disalurkan juga kepada kumpulan M40. Mereka ini termasuk pekerja swasta, peneroka FELDA, petani, nelayan, peniaga kecil, dan semua yang tergolong dalam kumpulan M40 dan ke bawah. Dijangkakan lebih lima juta isi rumah dan 3.4 juta individu bujang akan memperoleh manfaat.

Kerajaan juga menjaga kebajikan semua penjawat awam yang terus setia menjalankan amanah kepada negara. Bagi menghargai sumbangan mereka, kerajaan memberikan bantuan tunai sebanyak RM500 secara sekala kepada lebih 1.5 juta penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk mereka yang bekerja secara kontrak, di samping menyalurkan bantuan sebanyak RM500 secara sekala kepada lebih 850 ribu orang pesara kerajaan.

Melalui Bantuan Prihatin Nasional untuk rakyat dan pemberian bantuan kepada penjawat awam dan pesara kerajaan, di samping beberapa bantuan yang diberikan kepada golongan tertentu, antaranya pelajar institusi pengajian tinggi dan orang kelainan upaya (OKU), dan Orang Asal, maka isi rumah dan individu mempunyai pendapatan boleh guna, bahkan ada yang mengalami peningkatan pendapatan boleh guna.

Pendapatan ini pula pastinya akan meningkatkan permintaan agregat yang merupakan ukuran ekonomi dari segi jumlah amaun permintaan untuk semua barang siap dan perkhidmatan yang disediakan. Apabila keadaan seperti ini berlaku, maka peruncit, pemborong, dan pembekal boleh cari makan, dan kesan positif seterusnya, kilang berasap, van atau lori bergerak. Untuk memahami proses mudah ini seseorang tidak perlu membelek

karya agung John Maynard Keynes, *The General Theory of Employment, Interest and Money*. Sekali lagi memadai dengan menggunakan akal budi.

Oleh sebab kerebakan virus korona melanda banyak negara, maka dikhuatiri akan ada negara yang menyekat eksport barang makanan, seperti beras dan sebagainya. Tindakan seperti ini akan memberikan kesan terhadap negara lain, seperti Malaysia yang bergantung pada import beras dan beberapa barang makanan yang lain. Oleh itu, dalam tempoh yang runcing ini, penting untuk kerajaan memastikan bekalan makanan kekal terjamin dan cukup. Dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1 bilion kepada Dana Jaminan Makanan. Selain itu, kerajaan akan terus menyalurkan pelbagai bantuan kepada petani, penternak dan nelayan termasuk dalam bentuk bantuan input pertanian, ternakan dan perikanan untuk menggalakkan pengeluaran domestik.

Kerebakan virus korona dan seterusnya penguatkuasaan PKP menyebabkan kegiatan ekonomi semakin terjejas, dan oleh itu, pastinya, bakal berlaku pembuangan pekerja. Senario ini tidak dapat dielakkan. Tambahan pula, memandangkan bahawa kemungkinan besar kemelesetan akan melanda dunia. Untuk menghindari daripada berlakunya pembuangan pekerja, kerajaan memperkenalkan Program Subsidi Upah untuk membantu majikan mengekalkan pekerja. Menerusi program ini kerajaan menyediakan upah sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja untuk tempoh tiga bulan.

Program ini dikhususkan kepada pekerja yang berpendapatan di bawah RM4000 dan majikan yang mengalami penurunan pendapatan lebih 50 peratus sejak 1 Januari 2020. Majikan mesti memastikan mereka tidak membuang pekerja atau mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji bagi tempoh tiga bulan selepas program ini dilaksanakan. Selain itu, majikan juga tidak dibenarkan memotong gaji sedia ada pekerja. Langkah ini dijangkakan dapat memanfaatkan 3.3 juta orang pekerja dengan peruntukan sebanyak RM5.9 bilion.

PKS memainkan peranan yang penting dan memberikan sumbangan yang besar dari segi guna tenaga dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Oleh itu, PKS tidak boleh dibiarkan terjejas teruk akibat kerebakan. Bagi membantu PKS, termasuk usahawan mikro, kerajaan dan Bank Negara Malaysia menyediakan dana tambahan berjumlah RM4.5 bilion yang merangkumi lima inisiatif utama: menambah dana dalam tabung Bantuan Kemudahan Khas untuk PKS sebanyak RM3 bilion, menjadikan jumlah keseluruhannya RM5 bilion; meningkatkan saiz dana sebanyak RM1 bilion kepada RM6.8 bilion di bawah Kemudahan Semua Sektor Ekonomi bagi meningkatkan lagi akses pembiayaan kepada PKS; menyediakan dana tambahan sebanyak RM500 juta di bawah Skim Kredit Mikro yang menjadikan jumlah keseluruhan RM700 juta bagi pembiayaan mudah; membolehkan PKS yang mempunyai rekod perniagaan kurang daripada empat tahun juga memanfaatkan skim BizMula-i dan BizWanita-i Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC) untuk pembiayaan sehingga RM300 ribu; dan menyediakan melalui Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) kemudahan jaminan bernilai RM5 bilion.

Walau bagaimanapun, pihak PKS, melalui kenyataan Presiden Persatuan PKS Malaysia, Datuk Michael Kang, yang dipetik sebagai berkata, "tidak banyak manfaat daripada pakej rangsangan baharu ini. Pihak industri berasa kecewa terhadap pakej ini dan meramalkan sekurang-kurangnya 50 peratus PKS akan ditutup." Beliau juga menjangkakan empat juta orang akan hilang pekerjaan. Menurut Kang, pakej ini baik untuk rakyat, tetapi bukannya untuk perniagaan, bahkan sesetengahnya kini telah pun ditutup, terutamanya peruncit yang terjejas teruk kerana mereka tidak mempunyai mana-mana pelanggan.

Untuk menghadapi keadaan berubah turun dan menghindari kemungkinan kemelesetan,

Jika kerajaan mengumpulkan pendapatan daripada cukai, perniagaan menjadi perlahan dan kegiatan ekonomi negara akan terjejas secara signifikan menerusi kesan pengganda.



Ibn Khaldun



John Maynard Keynes



Datuk Michael Kang

untuk memastikan kegiatan ekonomi negara berterusan, maka kerajaan perlu berbelanja dan menumpukan pelaburan terhadap projek kerja raya atau infrastruktur. Dengan perbelanjaan dan pelaburan kerajaan itu, maka kegiatan ekonomi akan berterusan, atau dengan kata lain, tidak terjejas. Untuk itu, pakej rangsangan ini juga bertujuan untuk memastikan kegiatan ekonomi negara berterusan, terutamanya dengan penyaluran tunai melalui Bantuan Prihatin Nasional, di samping memberikan tumpuan kepada kegiatan pelaburan domestik.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengenal pasti beberapa projek kecil, seperti menambah baik jalan, menaik taraf sekolah daif di Sabah dan Sarawak, membersihkan rumah ibadat dan balai polis, serta meningkatkan kemudahan pelancongan yang akan memanfaatkan kontraktor kelas G1 dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion. Pada masa yang sama, projek kecil bernilai RM2 bilion yang diumumkan dalam pakej sebelum ini mula dilaksanakan pada April 2020, termasuk projek infrastruktur di kawasan FELDA dan lain-lain bernilai RM600 juta, projek membaik pulih sekolah daif di Sabah dan Sarawak bernilai RM350 juta dan projek membaik pulih perumahan rakyat termiskin bernilai RM150 juta.

Melalui projek kerja raya atau infrastruktur seperti ini, maka akan wujud kesan pengganda, dalam erti kata, "wang menghasilkan wang," di samping mengekalkan guna tenaga. Untuk mewujudkan kesan pengganda, kerajaan

memberikan tumpuan kepada projek kecil yang biasanya dapat disiapkan dengan cepat dan kontraktor pula menerima bayaran daripada kerajaan dengan segera. Penjelasannya mudah: apabila kontraktor dapat cari makan, maka pembekal simen, besi, pasir, kayu, dan sebagainya juga dapat cari makan.

Dalam *Mukadimah*, Ibn Khaldun menganggap kerajaan sebagai tidak cekap dan beliau tidak menggalakkan kerajaan terlibat dalam kegiatan ekonomi. Namun begitu, menurut beliau, kerajaan masih memainkan peranan penting dalam ekonomi negara menerusi pembelian pada skala besar. Perbelanjaan kerajaan akan merangsang ekonomi dengan menggunakan pendapatan yang meningkat menerusi kesan pengganda.

Walau bagaimanapun, jika kerajaan mengumpulkan pendapatan daripada cukai, perniagaan menjadi perlahan dan kegiatan ekonomi negara akan terjejas secara signifikan menerusi kesan pengganda. Selain itu, program kebajikan untuk mengurangkan kemiskinan, membantu balu, anak yatim dan orang buta sepatutnya dilancarkan jika program itu tidak membebankan perbendaharaan negara.

Perbelanjaan kerajaan yang diutarakan oleh Ibn Khaldun itu, beratus-ratus tahun kemudian dibangkitkan oleh ahli ekonomi tersohor pada abad ke-20, iaitu John Maynard Keynes: "Perbelanjaan kerajaan sebagai alat untuk melawan balik pertumbuhan ekonomi yang perlahan, terutamanya ketika pemulihan daripada kemelesetan (*recession*) dan kemurungan (*depression*), permintaan swasta kurang, maka perbelanjaan tambahan oleh kerajaan diperlukan untuk memastikan bahawa permintaan agregat masih cukup untuk mengekalkan guna tenaga penuh." Keynes menggesa kerajaan supaya memainkan peranan yang lebih besar dalam pelaburan.

Kerebakan COVID-19 menyaksikan kepulangan semula neo-Malthusian, seperti yang dibahas oleh Robert D. Kaplan dalam *The National Interest*, namun untuk menangani kesan ekonomi yang diakibatkannya, tidak dapat tidak, kita memerlukan tafsiran dan penyelesaian Khaldunian dan Keynesian: kerajaan berbelanja. •

Peranan Jawatankuasa Reformasi Cukai

Oleh NURISLAMUDDIN SARUDDIN



IBU PEJABAT

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

MENGULAS perihal kelestarian ekonomi negara dan keharmonian yang diimpikan oleh setiap insan, sedarkah kita bahawa semua faktor ini amat berkaitan rapat dengan hasil cukai. Suka atau tidak suka, pada hakikatnya, hasil cukai inilah yang berjaya membawa sesebuah negara ke puncak jaya walaupun mungkin ada pihak yang cuba untuk menafikannya. Topik berkenaan cukai menjadi antara tajuk utama media arus perdana sejak dua tahun ini dan kerajaan amat serius dalam usaha untuk

mereformasikan sistem percukaian negara yang sudah wujud di negara ini sejak era Kesultanan Melaka.

Maka bertindak atas isu ini, kerajaan di bawah kepimpinan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, telah menubuhkan Jawatankuasa Reformasi Cukai (TRC) pada September 2018 sebagai satu daripada agenda reformasi institusi awam. Secara demografinya, TRC dianggotai oleh mereka yang pakar dalam bidang ini serta fasih berkenaan graviti